

# BN putuskan setiap isu ditangani bersama

UM 1 APR 2001  
Oleh AKMAR HISHAM MOKHLES

KUALA LUMPUR 31 Mac — Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) hari ini memutuskan supaya setiap isu membabitkan kepentingan bersama parti-parti komponennya tidak lagi ditangani secara berseparahan mulai sekarang.

Pengerusi BN, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, selama ini parti-parti dalam BN dilihat hanya bergerak secara

berseparahan kecuali ketika pilihan raya diadakan apabila semua parti menyokong calon BN.

Beliau berkata, semua parti komponen mahu BN lebih berfungsi sebagai sebuah parti berbanding gabungan parti-parti.

Keputusan itu, menurut beliau, dicapai setelah meneliti keadaan politik dan ekonomi semasa negara dan pada masa depan.

“Sekarang apa kita hendak buat ialah kalau ada masalah, kita hendak ia dilihat dari sudut BN.

“Maknanya kita perlu ada pendirian yang sama.

“Yang dipersetujui bersama menjadi pendekatan yang diambil dan diselesaikan berasaskan perspektif BN bukan sebagai parti secara individu,” katanya.

Dr. Mahathir menyatakan demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Beliau menambah, keputusan itu juga bermakna setiap parti komponen BN perlu menghadapi semua cabaran yang ada secara bersama dan tidak lagi boleh bertindak secara berseparahan.

Malah, parti-parti komponen tidak lagi boleh mengutamakan parti masing-masing sahaja dalam menangani sesuatu cabaran, jelas Dr. Mahathir.

Tegas Perdana Menteri, untuk membolehkan segala isu itu dibincang dan ditangani bersama secara lebih berkesan, kekerapan mesyuarat Dewan Tertinggi BN akan diperbanyakkan berbanding sekarang.